



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Pembedahan “ABO Incompatible Kidney Transplantation” di Hospital Kuala Lumpur

27 Julai 2012, Jumaat

1. Di Malaysia, dianggarkan seramai 15,000 pesakit sedang menunggu untuk mendapatkan *organ* dan kebanyakan mereka adalah pesakit yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang. Namun, jumlah penderma organ terutamanya penderma yang telah meninggal dunia (“penderma kadaverik”) adalah rendah iaitu sekitar 0.6 pendermaan bagi setiap juta penduduk Malaysia.
2. Pendermaan organ dari penderma hidup, khususnya dari kalangan ahli keluarga, merupakan satu pilihan lain untuk mendapatkan organ bagi pesakit-pesakit ini. Sebelum ini, pemindahan buah pinggang hanya boleh dijalankan sekiranya bakal penderma mempunyai jenis darah yang serasi dengan bakal penerima (“*ABO compatible*”). Walau bagaimanapun, dianggarkan sekitar 30-35% pesakit tidak mempunyai jenis darah yang serasi dengan penderma (“*ABO incompatible*”) dan ini telah menyebabkan pembedahan tidak dapat diteruskan.
3. Menyedari hakikat ini, Hospital Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif proaktif untuk memulakan perkhidmatan pembedahan transplan buah pinggang di antara penderma dan penerima yang tidak mempunyai keserasian darah atau “*ABO incompatible kidney transplantation*” sebagaimana yang dijalankan di beberapa Negara

maju. Kes pertama yang dijalankan adalah di antara pasangan suami isteri.

4. Hospital Kuala Lumpur merupakan hospital pertama yang menjalankan pembedahan transplan organ di negara ini pada tahun 1975. Pada hari ini, Hospital Kuala Lumpur sekali lagi mengukir sejarah menjadi hospital Kerajaan pertama yang menjalankan pembedahan "*ABO incompatible kidney transplantation*" ini.
5. Pembedahan ini berbeza dari pembedahan transplan buah pinggang yang biasa kerana ia memerlukan prosedur yang lebih kompleks bagi mengelak berlakunya penolakan organ ("*organ rejection*") akibat ketidakserasian darah tersebut. Ini termasuk proses penapisan darah ("*plasma filtration*"), pemberian ubat anti-penolakan ("*immunosuppressant*") dengan dos yang lebih tinggi serta pemantauan aras *antibody* yang rapi. Ia merupakan suatu usahasama bukan sahaja di antara pakar perubatan, pakar bedah dan anggota paramedik di HKL, malah termasuk juga perkhidmatan makmal di Pusat Darah Negara dan Institut Penyelidikan Perubatan. Ternyata, kepakaran yang ada di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah setanding dengan kepakaran antarabangsa.
6. Kementerian Kesihatan merakamkan ucapan tahniah kepada Institut Urologi dan Nefrologi, pihak Pengurusan HKL, Pusat Darah Negara, Institut Penyelidikan Perubatan dan Bahagian Perkembangan Perubatan di atas kejayaan yang dicatat pada hari ini.
7. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus menyokong pembangunan perkhidmatan perubatan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Pihak Kementerian akan terus berusaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan pendermaan organ khususnya pendermaan selepas kematian. Pihak Kementerian juga menyeru kepada semua rakyat Malaysia untuk bersama-sama mendaftar sebagai penderma organ.

Dato' Sri Liow Tiong Lai

MAKLUMAT TAMBAHAN

A. RINGKASAN MAKLUMAT MENGENAI PENDERMAAN DAN TRANSPLANTASI ORGAN DI MALAYSIA

1. Setakat 30 Jun 2012, jumlah rakyat Malaysia yang telah **berikrar** untuk menderma organ selepas kematian adalah **196,364** orang mewakili hanya **0.68%** dari jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Pecahan mengikut kaum adalah:

a. Cina	: 105,587	(53.78%)
b. India	: 47,608	(24.24%)
c. Melayu	: 37,510	(19.10%)
d. Lain-lain	: 5,659	(2.8%)

2. Jumlah pengikrar baru telah menunjukkan peningkatan setiap tahun:

a. Tahun 2006	: 10,081
b. Tahun 2007	: 8,885
c. Tahun 2008	: 12,242
d. Tahun 2009	: 16,455
e. Tahun 2010	: 20,029
f. Tahun 2011	: 28,769

3. Setakat 30 Jun 2012, jumlah **penderma** organ dan tisu kadaverik (penderma selepas kematian) adalah **375** orang dengan pecahan seperti berikut:

a. Cina	: 228 orang	(60.8%)
b. India	: 93 orang	(24.8%)
c. Melayu	: 20 orang	(5.33%)
d. Lain-lain	: 34 orang	(9.07%)

4. Untuk **tahun 2012 sahaja** (Januari hingga April 2012), jumlah penderma organ dan tisu kadaverik (selepas kematian) adalah seramai **19 orang** dengan pecahan seperti berikut:

a. Cina	: 15 orang	(78.95%)
b. India	: 2 orang	(10.53%)
c. Melayu	: 1 orang	(5.26%)
d. Lain-lain	: 1 orang	(5.26%)

5. Berdasarkan kepada "Global Observatory on Donation and Transplantation, World Health Organization", kadar pendermaan organ kadaverik (selepas kematian) di Malaysia adalah **0.636 pendermaan bagi setiap juta penduduk**. Kadar pendermaan ini adalah rendah berbanding negara lain:
- a. Spain : 34.35 pendermaan bagi setiap juta penduduk
 - b. US : 25.49 pendermaan bagi setiap juta penduduk
 - c. UK : 15.07 pendermaan bagi setiap juta penduduk
 - d. Australia : 11.33 pendermaan bagi setiap juta penduduk
 - e. Singapore: 5.00 pendermaan bagi setiap juta penduduk
6. Walau bagaimanapun, jumlah pendermaan organ dan tisu kadaverik di Malaysia telah menunjukkan **peningkatan** berbanding tahun-tahun sebelumnya:
- a. Tahun 2005 : 13 orang
 - b. Tahun 2006 : 25 orang
 - c. Tahun 2007 : 25 orang
 - d. Tahun 2008 : 26 orang
 - e. Tahun 2009 : 39 orang
 - f. Tahun 2010 : 38 orang
 - g. Tahun 2011 : 47 orang
7. Setakat 30 Jun 2012, jumlah pesakit yang sedang **menunggu** untuk mendapatkan organ di Malaysia adalah **15,420** orang dengan pecahan seperti berikut:
- a. Buah pinggang : 15,417 orang
 - b. Hati (Liver) : 16 orang (7 dewasa, 9 kanak-kanak)
 - c. Jantung : 6 orang
 - d. Paru-paru : 2 orang
 - e. Jantung & paru-paru : 3 orang
8. Sejak tahun 1975 hingga 30 Jun 2012, Malaysia telah menjalankan sebanyak **1,659 pembedahan transplan organ** dengan pecahan seperti berikut:
- a. Buah pinggang : 1,523 pembedahan
(385 dari penderma kadaverik, 1,138 dari penderma hidup)
 - b. Hati : 105 pembedahan
(36 dari penderma kadaverik, 69 dari penderma hidup)
 - c. Jantung : 22 pembedahan
 - d. Paru-paru : 5 pembedahan
 - e. Jantung dan paru-paru : 4 pembedahan